

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**[TASEK GELUGOR]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 526**

**YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah aduan yang diterima Kementerian akibat komplikasi daripada perkhidmatan pengamal pergigian haram khususnya pergigian kosmetik bagi tempoh 2015 hingga Mei 2017 serta apakah jenis tindakan yang dikenakan oleh Kementerian kepada pengamal pergigian yang tidak bertauliah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius terhadap pengamalan pergigian haram. Setiap aduan atau maklumat yang diterima mengenai pengamalan pergigian haram disiasat oleh pegawai pergigian penguatkuasaan di negeri yang berkenaan, sebelum tindakan yang sewajarnya diambil.

Sejak tahun 2015 sebanyak 71 aduan/ informasi mengenai pengamalan pergigian haram telah diterima dan disiasat. Dari jumlah ini, 47 adalah

aduan mengenai pergigian kosmetik, atau pun 'fake braces'. Komplikasi atau kesan buruk yang boleh dialami oleh mangsa pengamal haram ini, adalah infeksi, ulser mulut, gusi bengkak, gigi goyang dan longgar, pergerakan gigi yang luar biasa, gigi berkaries, kehilangan gigi dan gusi bengkak serta bernanah. Lebih membimbangkan, risiko dijangkiti virus HIV dan Hepatitis adalah tinggi kerana pembasmian kuman ke atas peralatan tidak dilakukan dengan sempurna.

Dari tahun 2015 sehingga Jun 2017 sebanyak 20 aktiviti penggeledahan (*raids*) telah dilaksanakan ke atas pengamal pergigian haram, dengan 15 di bawa ke mahkamah dan didapati bersalah. Mereka yang didapati bersalah telah didenda di antara RM20,000 dan RM300,000, dan 3 orang telah dimasukkan ke penjara kerana tidak mampu membayar denda. Di antara kes yang belum selesai, 7 belum diputuskan di mahkamah dan 5 pengamal haram telah melarikan diri dari Malaysia (termasuk 2 orang warganegara)

Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk mengawal dan menyekat pengamalan pergigian haram melalui penguatkuasaan bersama-sama dengan pendidikan kepada orang ramai. Dengan usaha bersama oleh Kementerian Kesihatan dan rakyat jelata, kejadian yang bahaya ini dapat diatasi.